PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JANUARY 2017

Dokumen CIA dedah Tun M akui pengurusan BMF gagal

BH - 25/1/2017

Laporan menyebut tindakan kerajaan tangani kerugian adalah terhad

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur

Dokumen Agensi Perisikan Pusat (CIA) mendedahkan, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengaku berlaku kegagalan dalam pengurusan Bumiputera Malaysia Finance (BMF), sekitar tahun 1980-an.

Pengakuan itu terkandung dalam dokumen CIA bertajuk, *The Bank Bumiputra Scandal: More Trouble Ahead for Malaysia's Mahathir*, yang boleh diakses secara dalam talian.

Dokumen berkenaan mendedahkan Dr Mahathir mengaku berlaku kegagalan dalam amalan BMF, namun tindakan kerajaan menangani kerugian berkenaan adalah terhad.

Laporan itu yang juga sebahagian daripada 13 juta dokumen dikeluarkan CIA, minggu lalu, turut mempersoalkan tindakan Dr Mahathir menangani skandal BMF sehingga mengalami kerugian USD$1 bilion.

Ia mendakwa, Dr Mahathir tidak memperbesarkan kesalahan BMF, sebaliknya strategi kerajaan pada waktu itu adalah mencari menangani isu dan jalan keluar untuk menyelamatkan bank berkenaan.

Dikawal kementerian

"Keterangan mengikut keadaan menunjukkan skandal itu turut membabitkan pentadbiran Dr Mahathir. Sebagai bank yang dimiliki kerajaan, Bank Bumi dikawal secara dekat oleh Kementerian Kewangan serta Bank Negara dan sebarang keputusan penting perlu mendapat kebenaran kedua-dua pihak.

"Sehubungan itu, tidak mungkin kerajaan tidak mengetahui mengenai kenaikan had pinjaman bagi cawangan luar negara yang membolehkan lebih banyak dana disalurkan ke Hong Kong," menurut dokumen yang dimuat turun dari laman web agensi terbabit.

Dokumen itu, bagaimanapun, tidak mengaitkan Dr Mahathir dan BMF secara terus, namun kedudukan politik beliau sebaik mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981, dicemari oleh skandal terbabit.

Sementara itu, peguam Dr Mahathir, Mohamed Haniff Khatri Abdulla, ketika dihubungi *BH*, memaklumkan pihaknya mahu meneliti laporan portal terbabit, terlebih dahulu, sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.